

Rujukan: PCT 2/2021

Tarikh: 3 Mac 2021

SURAT PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN SECARA LANTIKAN TERUS BERSERTA KOS SILING

IPSOS SENDIRIAN BERHAD
23rd FLOOR, CENTREPOINT NORTH
MID VALLEY CITY, LINGKARAN SYED PUTRA
59200 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Tuan,

**KAJIAN: PERKHIDMATAN PERUNDING KAJIAN KES: MENINGKATKAN
PENGLIBATAN ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI DALAM
MENJAYAKAN TRANSFORMASI GERAKAN KOPERASI BAGI
MEMACU PERTUMBUHAN KOPERASI DI MALAYSIA**

PER: Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) berhasrat mempelawa tuan untuk mengemukakan cadangan bagi perkhidmatan perunding untuk projek seperti berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Kajian	Kajian Kes: Meningkatkan Penglibatan Anggota-Anggota Koperasi dalam Menjayakan Transformasi Gerakan Koperasi bagi Memacu Pertumbuhan Koperasi di Malaysia
2	Anggaran Kos Projek	RM 40,000.00
3	Tempoh Projek	3 Bulan
4	Kategori Projek	Kajian Bukan Fizikal
5	Kod & Nama Bidang Perkhidmatan Perunding	340105 (Kajian Pemasaran dan Penyelidikan) 340104 (Kajian Kemasyarakatan) 340103 (Kajian Ekonomi)

Bil	Perkara	Maklumat
		340106 (Kajian Sumber Manusia)
6	Kaedah Pelantikan	Lantikan Terus Berserta Kos Siling
7	Kaedah Bayaran Yuran Perunding	Input Masa
8	Kos Siling Perkhidmatan Perunding	RM40,000.00
9	Terma Rujukan	Lampiran D
10	Tempoh Sah Laku Tawaran Yang Ditetapkan Oleh Agensi	90 hari daripada tarikh tutup pelawaan

3. Sila maklumkan secara rasmi dengan menggunakan **Borang Jawapan** seperti **Lampiran A** kepada MPC ini dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh surat ini ditandatangani melalui **emel atau faks** sama ada tuan bersetuju/tidak bersetuju dengan pelawaan ini.

4. Jika tuan bersetuju dengan pelawaan ini, sila kemukakan cadangan tuan mengikut senarai semak Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos seperti di **Lampiran B** berasaskan Terma Rujukan yang ditetapkan di atas. Tuan adalah dikehendaki mengemukakan cadangan berdasarkan ketetapan berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Agensi Yang Mempelawa	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
2	Alamat Agensi	Lorong Produktiviti, Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya
3	Tarikh & Masa Akhir Pelawaan	10 Mac 2021, 12.00 tengah hari
4	Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	Dr. Noor Aishah Hj. Hassan
5	No. Telefon, Faks & emel Pegawai	019-2563679 noor_aishah@mpc.gov.my

5. Bersama-sama surat ini juga disertakan Surat Akuan Perunding untuk perhatian dan tandatangan sekiranya tuan bersetuju dengan kandungan surat tersebut. Sila sertakan surat yang telah ditandatangani tersebut bersama-sama dengan cadangan tuan.

6. Untuk makluman, sekiranya tuan bersetuju dengan pelawaan ini, namun demikian menarik diri dalam tempoh penyediaan cadangan pihak tuan atau sebelum Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tuan hendaklah memaklumkan kepada Agensi ini dengan kadar segera agar pelawaan dapat dibuat kepada firma lain.

7. Walau bagaimanapun, sekiranya tuan telah terpilih secara rasmi dan kemudiannya menarik diri selepas Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tindakan ke atas tuan akan diambil selaras dengan peraturan Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

8. Surat ini adalah **RAHSIA KERAJAAN** dan tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak lain.

9. Surat ini hanyalah suatu surat pelawaan dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MAHADI HASBULLAH)

Pengurus Kanan

b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

LAMPIRAN A

BORANG JAWAPAN

Mahadi Hasbullah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Peti Surat 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya, Selangor

No. Rujukan Firma:
Tarikh: 10 March 2021

Tuan,

PERKHIDMATAN PERUNDING KAJIAN KES: MENINGKATKAN PENGLIBATAN ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI DALAM MENJAYAKAN TRANSFORMASI GERAKAN KOPERASI BAGI MEMACU PERTUMBUHAN KOPERASI DI MALAYSIA

PER: Jawapan Kepada Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat/faks tuan bertarikh 3 Mac 2021 adalah berkaitan.

2. Dengan ini, saya yang mewakili IPSOS SENDIRIAN BERHAD ~~bersetuju/tidak bersetuju~~* dengan pelawaan oleh pihak tuan bagi memberi/menawarkan perkhidmatan perunding untuk pelaksanaan projek di atas.

3. Dengan persetujuan pelawaan ini, saya mengambil maklum akan syarat-syarat yang telah diperjelaskan oleh pihak tuan melalui surat pelawaan PCT 2/2021 bertarikh 3 Mac 2021.

Sekian, terima kasih.

Kiranjit Singh



.....
(Nama Penuh Wakil Firma)

Jawatan Head of Ipsos Strategy3, ASEAN

Nama Firma Ipsos Sdn Bhd

No. Kad Pengenalan 690724-07-5165

Nota:

*Potong mana yang tidak berkaitan

** Sekiranya firma memilih untuk tidak bersetuju, para ini adalah tidak berkaitan

Ipsos Sdn Bhd (912941-X)
23rd Floor, Centrepont North,
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : + 603 2289 3000 Fax: + 603 2289 3600